

SOALAN LAZIM

KEMPEN DIGITAL DESA BANK RAKYAT 2024

(UNTUK PELANGGAN DuitNow QR)

1. Siapakah pengajur Kempen Digital Desa Bank Rakyat 2024?

Kempen ini dianjurkan oleh Bank Rakyat dengan kerjasama PayNet.

2. Bilakah Kempen Digital Desa Bank Rakyat 2024 ini berlangsung?

Kempen ini berlangsung bermula dari 15 Jun hingga 15 September 2024.

3. Siapakah yang layak menyertai kempen ini?

Kempen ini terbuka kepada pelanggan Bank Rakyat yang telah mendaftar i-MerchantRAKYAT di salah satu lokasi program sepanjang tempoh program Digital Desa Bank Rakyat 2024 berlangsung. (“peserta”).

4. Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen ini?

- i. Pelanggan perlu membuka Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) serta mendaftar aplikasi i-MerchantRAKYAT semasa Program Digital Desa Bank Rakyat 2024 berlangsung sehingga 15 September 2024.
- ii. Penyertaan hanya sah di lokasi Program Digital Desa Bank Rakyat 2024 yang terpilih.
- iii. Urus niaga atau penerimaan bayaran yang dilakukan perlu melalui DuitNow QR yang dijana daripada aplikasi i-MerchantRAKYAT.
- iv. Penyertaan untuk kempen ini adalah secara automatik dan tiada pendaftaran diperlukan.

5. Adakah terdapat sebarang jumlah transaksi minimum yang ditetapkan bagi menyertai kempen ini?

Ya. Peserta perlu menerima sekurang-kurangnya 10 transaksi setiap bulan melalui DuitNow QR yang dijana daripada aplikasi i-MerchantRAKYAT.

6. Bagaimanakah kaedah kelayakan penyertaan dilakukan?

- i. Peserta perlu melakukan urus niaga atau menerima pembayaran melalui DuitNow QR yang dijana daripada aplikasi i-MerchantRAKYAT dengan jumlah transaksi sekurang-kurangnya 10 transaksi sebulan bagi melayakkan diri dan tersenarai dalam kempen ini.
- ii. Jumlah transaksi tersebut perlu konsisten sepanjang tempoh tiga bulan kempen berlangsung dengan sekurang-kurangnya 10 transaksi pada setiap bulan.

7. Apakah hadiah yang ditawarkan melalui kempen ini?

Hadiah kempen adalah seperti berikut:

Jenis Hadiah	Hadiah	Jumlah Pemenang
Hadiah Pertama	RM3,000.00	1
Hadiah Kedua	RM2,000.00	1
Hadiah Ketiga	RM1,000.00	1
Hadiah Sagu Hati	RM500.00	50

8. Bagaimanakah pemilihan pemenang dilakukan untuk kempen ini?

Pemenang akan dipilih berdasarkan jumlah transaksi tertinggi sepanjang tempoh kempen berlangsung. Bagi hadiah sagu hati, 10 pemenang akan dipilih daripada setiap lokasi Program Digital Desa Bank Rakyat 2024.

9. Adakah terdapat had untuk memenangi hadiah kempen?

Ya. Seorang pemenang (jika dipilih sebagai pemenang hadiah) boleh memenangi hanya satu (1) hadiah sepanjang tempoh kempen.

10. Bagaimana kaedah penyampaian hadiah kepada pemenang?

Hadiah akan dikreditkan ke Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) Bank Rakyat milik pemenang.

11. Bolehkah hadiah ini dikreditkan ke akaun pemenang bank lain?

Tidak boleh.

12. Bilakah pemenang akan menerima hadiah tersebut?

Pemenang akan menerima hadiah setelah kempen tamat dan keputusan panel diumumkan.

13. Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) saya telah ditutup atau tidak aktif selepas senarai nama pemenang diumumkan secara rasmi. Adakah kemenangan saya masih sah?

Ya. Kemenangan anda masih sah. Bagaimanapun, anda perlu mengaktifkan atau membuka semula Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) dalam masa 30 hari selepas nama pemenang diumumkan untuk menerima hadiah tersebut.

14. Adakah saya layak untuk menerima hadiah kempen sekiranya saya berstatus muflis, akaun dibekukan atau disenarai hitam?

Pemenang yang berstatus muflis, akaun dibekukan atau disenarai hitam tidak layak untuk memerima hadiah kempen.

15. Bagaimanakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?

Maklumat lanjut berhubung kempen ini boleh didapati di:

- Laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my
- Pusat Panggilan Bank Rakyat: 1 300 80 5454
- Laman media sosial Bank Rakyat (Facebook/Instagram)

Soalan lazim kempen ini adalah tertakluk pada Terma dan Syarat kempen, Terma dan Syarat i-MerchantRAKYAT serta Terma lain yang ditetapkan oleh Bank Rakyat dari semasa ke semasa.